

# Pemuda didenda selepas mengaku salah baling bom petrol ke rumah seorang lelaki

**KUCHING:** Seorang pemuda berusia 23 tahun didenda RM3,000 atau 10 bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam akibat mengugut seorang lelaki dengan cara membaling bom petrol ke rumah mangsa.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali terhadap Sulaiman Mohamat yang mengaku bersalah mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun sama.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Sulaiman bersama seorang lelaki yang masih bebas didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Kampung Demak Baru Fasa 2 di sepanjang Jalan Bako sekitar

jam 5.35 pagi pada 21 Mac lalu.

Berdasarkan fakta kes, mangsa menyedari kejadian tersebut selepas terdengar bunyi penggera rumah.

Mangsa membuat pemeriksaan dan menemui sebotol plastik berisi petrol berhampiran sebuah kereta, selain kesan terbakar pada lantai simen.

Rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) seterusnya menunjukkan sebuah kereta berwarna perak menghampiri rumah berkenaan, sebelum menemui botol dipercayai mengandungi petrol dicampakkan ke dalam kawasan rumah dan dinyalakan api.

Tiada kerosakan besar dilaporkan, namun kesan terbakar ditemui di bahagian luar rumah berkenaan.

Laporan polis dibuat dan hasil siasatan dibawa kepada penangkapan Sulaiman pada 1

April sekitar jam 1.50 petang di sebuah rumah di Kampung Tupong Tengah, Petra Jaya.

Antara barangan yang dirampas ialah sebuah kereta berwarna perak serta dua telefon bimbit, kesemuanya diserahkan oleh Sulaiman.

Siasatan lanjut mendapati Sulaiman bertindak melakukan kesalahan itu bersama seorang rakan subahat masih bebas, dengan menggunakan botol berisi petrol menyerupai bom molotov yang dicampakkan dan dinyalakan di rumah pengadu.

Dia dipercayai menerima bayaran sebanyak RM100 daripada seorang individu lain bagi melakukan perbuatan tersebut sebagai satu bentuk ugutan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Safly Nor Kazly sementara Sulaiman tidak diwakili peguam.